

Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VoA
Volume 15 Issue 3
December 2019

COMMITTEE PAGE

VOICE OF ACADEMIA

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

Chief Editor

Junaida Ismail

*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Editorial Team

Aishah Musa

*Academy of Language Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Syahrini Shawalludin

*Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Khairul Wanis Ahmad

*Facility Management & ICT Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Siti Natasha Mohd Yatim

*Research And Industrial Linkages Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Azida Hashim

*Research And Industrial Linkages Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Editorial Board

Professor Dr M. Nauman Farooqi
*Faculty of Business & Social Sciences,
Mount Allison University, New Brunswick, Canada*

Professor Dr Kiyem Tunca Caliyurt
*Faculty of Accountancy,
Trakya University, Edirne, Turkey*

Professor Dr Diana Kopeva
*University of National and World Economy,
Sofia, Bulgaria*

Associate Professor Dr Roshima Said
*Faculty of Accountancy,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Associate Professor Dr Zaherawati Zakaria
*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Kamarudin Othman
*Department of Economics, Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Kardina Kamaruddin
*Department of Management, Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Azlyn Ahmad Zawawi
*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Content Reviewer

Professor Dr Sivamurugan Pandian
Universiti Sains Malaysia

Dr Siti Zuliha Razali
Universiti Sains Malaysia

Dr Mahadir Ladisma @ Awis
Universiti Teknologi MARA


Prof Madya Dr Asmadi Ghazali
Universiti Teknologi MARA

Dr Wan Irham Ishak
Universiti Teknologi MARA

Aishah Musa
Universiti Teknologi MARA

Samsiah Bidin
Universiti Teknologi MARA

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2019 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

The Antecedents For Homelessness In Bukit Bintang, Kuala Lumpur, Malaysia Mohd Ramlan Mohd Arshad ¹ , Nurul Fatin Madzlan ² , Nurhafizah Mawi ³ & Mohd Nazir Rabun ⁴	1 - 10
Pembentukan Pengukuran Penggunaan Whatsapp Dalam Kalangan Kakitangan Organisasi Che Su Mustafa ¹ , Nuredayu Omar ² , Che Hasniza Che Soh ³	11 - 31
Integriti Pengguna Media Sosial Intan Syahriza Azizan ¹ , Shahriza Ilyana Ramli ² , Junaida Ismail ³	32 - 44
The Effects Of Human Resource Practices, Knowledge-Oriented Leadership And Organisational Innovation Towards Fourth Industrial Revolution: A Review And Research Agenda Choong Yuen Onn ¹ , Au Yong Hui Nee ² , Charles Ramendran SPR ³	45 - 49
Kajian Kes: Sosio Ekonomi Penduduk Projek Perumahan Rakyat (Ppr) Paya Nahu, Sungai Petani Kedah. Azlyn Zawawi ¹ , Intan Syahriza Azizan ² , Irwana Nooridayu Muhamad Hakimi ³ , Noorayuni Rusli ⁴ , Noorlailahusna Mohd Yusof ⁵ , Nurulaini Zamhury ⁶	50 - 58
Touch Lib@: Humanising A Library Attendance System In A Postgraduate Academic Institution Hasniza Amno ¹ , Mohd Jamil Kasim ² , Siti Fatimah Hashim ³ , Md Naim Salis @ Saleh ¹ , Bakiah Shahrudin ⁴	59 - 64
The Impact Of Networking Among Women Entrepreneurial Success Shamsul Hana Abd Rani ¹ , Norashidah Hashim ² , Shamsul Huda Abd Rani ³	65 - 71
Tokoh Pahlawan Kedah; Dato' Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail Serta Perkaitannya Dengan Panglima Ismail Dan Panglima Tok Rashid; Panglima Pembawa Silat Cekak Dalam Persejarahan Negeri Kedah Sepanjang 1800 – 1925 Shukri Janudin dan Zaimilah Yusoff	72 - 95

KAJIAN KES: SOSIO EKONOMI PENDUDUK PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) PAYA NAHU, SUNGAI PETANI KEDAH.

Azlyn Zawawi¹, Intan Syahriza Azizan², Irwana Nooridayu Muhamad Hakimi³,
Noorayuni Rusli⁴, Noorlailahusna Mohd Yusof⁵, Nurulaini Zamhury⁶

^{1,2,3,4,5,6} Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Kedah

ARTICLE INFO

Article history:

Received December 2019

Received in revised form

Accepted December 2019

Published December 2019

Keywords:

program perumahan rakyat, golongan berpendapatan rendah, Malaysian Relief Agency (MRA)

Corresponding Author:

azlyn@uitm.edu.my

ABSTRACT

Maklumat mengenai latar belakang, gaya hidup, dan tahap kesihatan masyarakat dalam sesebuah komuniti adalah penting dalam merasionalisasi sebarang program khidmat sosial dan kemasyarakatan. Ini termasuklah mengetahui latarbelakang penduduk komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) yang merupakan inisiatif kerajaan dalam merangka pembangunan golongan berpendapatan rendah (B40). PPR adalah satu program kerajaan untuk penempatan semula penduduk setinggan bagi memenuhi keperluan tempat kediaman golongan berpendapatan rendah. Objektif kajian tinjauan ini adalah penghasilan data analisa profail demografi dan sosio-ekonomi komuniti PPR Paya Nahu, di mana hasil dapatan kajian ini telah membantu pihak Malaysian Relief Agency (MRA) khususnya MRA Negeri Kedah dalam perancangan melibatkan komuniti PPR dan komuniti setempat. Jumlah keseluruhan responden yang menyertai kajian ini ialah seramai 300 orang. Kajian telah dilakukan secara kaedah tinjauan (survey). Terdapat dua bahagian utama di dalam alat kajian yang digunakan iaitu; bahagian a) maklumat demografik penduduk, dan b) bahagian kesihatan dan gaya hidup. Pengumpulan data kajian ini telah dijalankan pada bulan September 2018, dan proses penulisan dan analisis data telah dilengkapkan pada bulan Januari 2019. Kajian ini telah membantu pihak MRA Negeri Kedah di dalam inisiatif pembangunan masyarakat setempat amnya dan komuniti PPR Paya Nahu khususnya.

©2019 UiTM Kedah. All rights reserved.

1.0 Pengenalan

Masyarakat merupakan nadi pembangunan negara dan kehidupan masyarakat yang sejahtera adalah penting dalam memastikan kualiti modal insan. Kajian yang melibatkan data sosio-ekonomi penduduk dapat membantu pihak berwajib dalam merangka program yang sesuai untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat. Masyarakat yang mempunyai kehidupan dibawah paras sederhana sentiasa memerlukan bantuan pihak kerajaan terutamanya dalam

memastikan kelangsungan hidup. Di Malaysia, antara inisiatif pihak kerajaan adalah dengan mewujudkan kawasan projek perumahan rakyat atau PPR dimana ia memberi peluang kepada rakyat untuk mendiami rumah pemilikan sendiri. Walaupun projek ini memberi kesan positif, namun masih terdapat impak sosial yang memberi kesan signifikan terhadap persekitaran masyarakat itu sendiri.

Kertas kerja ini bertujuan meneliti kajian kes yang telah dibuat di kawasan penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) Paya Nahu, Sungai Petani Kedah. Kajian ini bertujuan untuk mengumpulkan data dan maklumat daripada penduduk kawasan perumahan PPR Paya Nahu terutamanya berhubung dengan beberapa isu penting seperti maklumat isi rumah, sosio-ekonomi dan gaya hidup. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisa faktor sosio-ekonomi yang memberi kesan kepada gaya hidup penduduk PPR Paya Nahu.

2.0 Permasalahan Kajian

Di Sungai Petani, terdapat satu Program Perumahan Rakyat (PPR) yang terletak di kawasan Taman Ria Jaya yang dikenali sebagai Program Perumahan Rakyat (PPR) Paya Nahu yang merupakan projek Kerajaan Persekutuan di bawah peruntukan Tabung Perumahan Rakyat, Dana RM600 Juta di bawah Yayasan Perumahan Rakyat Untuk Termiskin (YPUT) (Shafee Ahmad, Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri Kedah, temubual, 26 Disember 2018). PPR Paya Nahu telah bermula dengan fasa pertama yang dibina pada 1990 dengan menempatkan isi rumah yang terdiri daripada lapan blok yang mengandungi 592 buah unit rumah dan 8 buah unit rumah kedai yang ditawarkan oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK). Pemilikan rumah PPR ini dirancang untuk ditawarkan kepada penduduk-penduduk setinggan tepi sungai. Oleh itu, PPR Paya Nahu Fasa 1 mula diduduki pada Ogos 1998. Manakala fasa kedua pula dibina pada 2004 dan mula diduduki pada Jun 2004 dengan menempatkan rumah kos rendah sebanyak 1,472 buah unit dan 18 buah unit kedai di mana fasa kedua ini adalah di bawah projek Jabatan Perumahan Negara (JPN).

PPR (Flat) Paya Nahu terdiri daripada dua fasa, fasa pertama dibina pada 1990 manakala fasa kedua pada 2004 dan penempatan komuniti ini menempatkan kira-kira 8000 isi rumah. Kebanyakan penghuni merupakan golongan penempatan semula setinggan dan warga miskin bandar. Penghuni terdiri daripada pelbagai bangsa merangkumi Melayu, India dan China. Bilangan sebenar penghuni tidak dapat dipastikan kerana terdapat penghuni yang tinggal secara tidak sah (menceroboh rumah yang tidak berpenghuni). Perkongsian dengan penduduk tempatan juga mendapati terdapat warga asing mendiami kawasan perumahan ini dan sebahagiannya berkahwin dengan penduduk tempatan. Penduduk PPR Paya Nahu Fasa 1 terdiri daripada 406 orang Melayu, 70 orang Cina, 107 orang India dan 2 orang lain-lain bangsa dengan pendapatan RM1,300 ke bawah sebulan. Ada di kalangan penghuni yang mempunyai keluarga yang besar dan masih mempunyai mentaliti yang masih sama semasa tinggal di kawasan sungai di mana pembuangan sampah dilakukan di merata-rata tempat tanpa menggunakan tempat sampah yang telah disediakan. Di samping itu, ada juga penghuni yang berlatar belakangkan rekod jenayah seperti vandalisme, kecurian, pencerobohan rumah dan penagihan dadah. Oleh yang demikian, persekitaran kawasan PPR Paya Nahu berada di tahap yang tidak selamat dan tidak sihat. Aktiviti jenayah di kawasan PPR Paya Nahu telah disahkan oleh Agensi Anti-Dadah Kebangsaan Kuala Muda, Samsuri Yusuf yang mana 50% kejadian jenayah yang berlaku di sana adalah daripada masalah penagihan dadah dan ini pastinya menjejaskan imej serta keselamatan kawasan tersebut serta kawasan yang berdekatan (Tan, 2016).

Bilangan kes penagihan dadah dalam kalangan penghuni agak tinggi dan merupakan antara kawasan yang menjadi perhatian pihak berkuasa di Negeri Kedah. Laporan Agensi Anti Dadah

Kebangsaan (AADK) Daerah Kuala Muda mendapati penagih berusia 19 hingga 40 tahun menjadikan rumah tidak berpenghuni sebagai port dadah. Selain itu kawasan flat PPR Paya Nahu juga dikenal pasti sebagai kawasan yang menjalankan aktiviti proses, menjual air daun ketum yang turut menjadi satu penyumbang kepada penagihan dadah bukan sahaja kepada orang dewasa malah remaja dan pelajar (Harian Metro, 1 Ogos 2017). Kes terkini pada 16 Julai 2018, pihak polis telah membuat serbuan dan menangkap 2 suspek dan menemui satu beg plastik hitam mengandungi 414 pekete plastik lutsinar berisi dadah yang disyaki milik dua lelaki yang bekerja sebagai buruh. Suspek juga dikatakan terlibat dengan kes pengedaran dadah disekitar kawasan PPR Paya Nahu dan Taman Ria Sungai Petani (Kosmo, 16 Julai 2018).

Permasalahan sosial seperti perhubungan seks luar nikah, buang bayi dan aktiviti samseng juga adalah berleluasa di kawasan PPR Paya Nahu. Pada tahun 2016, mayat seorang budak lelaki berusia dua tahun ditemui diawet dalam tong ikan manakala kakak mangsa yang berusia 4 tahun dilaporkan kritikal selepas mereka dipercayai didera oleh ibu dan teman lakinya dalam kejadian di PPR Paya Nahu (Bernama, 27 November 2016). Berita ini mendapat perhatian negara dan masih lagi mengejutkan komuniti ini. Dari aspek persekitaran, kebersihan kawasan di seluruh PPR didapati lemah, antara punca adalah dari sikap penduduk sendiri (mereka masih mengekalkan gaya hidup di setinggan). Kebanyakan penghuni komuniti PPR Paya Nahu ini berpendapatan rendah dan kadar pengangguran juga adalah tinggi. Terdapat bilangan ibu tunggal yang ramai dan sebahagian besar mereka tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Ada juga kes kanak-kanak keciciran pelajaran yang berpunca dari sikap malas (ponteng) ataupun kurang perhatian ibu bapa.

Tiada maklumat yang benar-benar tepat tentang bilangan dan taburan sebenar penduduk oleh sebab pendudukan secara tidak sah dan data yang tidak dikemaskini. Belum pernah ada sebarang kajian terperinci dilakukan terutama untuk merekodkan tahap kesihatan dan gaya hidup para penghuni. Bantuan kepada golongan yang memerlukan tidak menyeluruh dan sering berlaku pertindihan (seorang penerima menerima bantuan berulang kali) kerana tiada maklumat untuk dirujuk. Maklumat demografi dan gaya hidup yang lebih jelas diperlukan untuk mengenalpasti bentuk projek dan bantuan yang benar-benar perlu dilakukan. Jesteru itu, kajian ini dilakukan untuk mendapatkan makluman profiling Komuniti PPR Paya Nahu dan seterusnya memberikan keputusan kajian kepada pihak MRA Negeri Kedah.

3.0 Sorotan Literatur

Kajian lepas jelas menunjukkan bahawa persekitaran kejiranan mempunyai pengaruh terhadap kesihatan, keselamatan sosial, modal sosial dan kualiti hidup secara keseluruhan (Groenewegen, Zock, Spreeuwenberg, Helbich, Hoek, Ruijsbroek, ... & Dijst, 2018). Terdapat kaitan antara kualiti kejiranan dan taraf kehidupan masyarakat sekelilingnya. Kawasan kejiranan yang bersih akan memberikan kesan positif kepada penduduk. Manakala, faktor lain seperti kualiti persekitaran boleh memberikan kesan kepada kesihatan penduduk melebihi faktor risiko individu (Macintyre & Ellaway, 2003). Ini jelas menunjukkan bahawa kawasan perumahan adalah penting kepada pembangunan diri individu dan keluarga. Persekitaran yang berkualiti akan membawa kepada kehidupan yang lebih sejahtera.

Teori asas mengenai kepuasan penduduk terhadap kediaman adalah berasaskan idea bahawa penduduk akan menilai kediaman idaman mereka dengan kediaman sebenar yang dimiliki atau didiami, dengan mengambil kira faktor kejiranan (Galster, 1987). Setiap individu mempunyai gambaran ideal mengenai kediaman idaman mereka dan apabila kediaman semasa mereka memen-

uhi ciri tersebut, mereka akan berasa gembira dan puas. Namun begitu, gambaran ideal ini tetap akan dipengaruhi faktor sosio ekonomi penduduk seperti pendapatan, bilangan isi rumah, bilangan tanggungan, jenis pekerjaan, dan sebagainya (Mohit, Ibrahim & Rashid, 2010).

Dalam konteks perumahan kos rendah atau projek perumahan rakyat (PPR), penduduk rata-rata merupakan golongan masyarakat yang berpendapatan rendah yang diberi peluang oleh kerajaan untuk memiliki kediaman sendiri. Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan projek kerajaan bagi memindahkan penduduk dari kawasan setinggan dan juga memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah (B40). Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar akan keperluan yang mendesak dan menjadi agensi pelopor dalam mengembangkan projek PPR ke seluruh Malaysia. Terdapat dua kategori iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki yang mana kedua-dua kategori ini menggunakan spesifikasi rekabentuk rumah kos rendah yang telah ditetapkan oleh standard Perumahan Kebangsaan dengan spesifikasi asas seperti keluasan minimum 700 kaki persegi, 3 bilik tidur, 2 bilik air, ruang tamu dan dapur serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti dewan komuniti/ ruang orang ramai, surau/ ruang solat, gerai makan/ ruang niaga, tadika, kemudahan orang kurang upaya (OKU), taman permainan/ kawasan lapang dan ruang sampah (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2018). Projek ini bukan sahaja dapat membantu rakyat dalam pemilikan kediaman malah dapat juga membantu dalam perancangan bandar yang lebih efisien menjurus kepada pembangunan yang mampan dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat serta badan kerajaan.

Melalui projek ini, sewaan rumah ditawarkan kepada yang berkelayakan dan tidak boleh disewakan kepada orang lain oleh penghuni mahupun dijual kepada orang lain. Di samping itu, kerajaan juga menawarkan pemilikan penuh kepada penghuni bagi membolehkan kumpulan berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman sendiri dengan jualan sebanyak RM35,000 seunit in Semenanjung Malaysia dan RM42,000 seunit di Sabah Sarawak. Pembayaran sewa PPR Paya Nahu adalah ditetapkan dan dijadualkan oleh Wisma Bahagian Perumahan dengan menawarkan kepada penghuni (penduduk setinggan) ini secara sewaan sebanyak RM90 yang mana konsep asal rumah ini adalah dibenarkan sewa dalam tempoh tiga tahun sahaja sebagai rumah transit.

Justeru, dengan adanya Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk golongan rakyat berpendapatan rendah ini mampu memberikan keselesaan dan impian dalam menduduki rumah yang selesa bagi golongan berpendapatan rendah demi menjamin kesempurnaan penghuni-penghuni dengan dilengkapi kemudahan-kemudahan asas dalam kehidupan semasa. Di samping itu, projek ini juga dapat mewujudkan sikap dan amalan yang baik seperti bersatu padu dan bertanggungjawab di kalangan penghuni dalam memahami sistem sewaan yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam membantu mereka menduduki kediaman yang lebih selesa serta mempunyai kehidupan yang lebih baik dan sempurna dengan dilengkapi pelbagai kemudahan yang disediakan dan bantuan-bantuan kerajaan dan badan bukan kerajaan dapat disalurkan dengan mudah. Ini membolehkan pihak agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan, Jabatan Agama Islam dan agensi-agensi lain mengenalpasti sebarang permasalahan yang berlaku dengan lebih cepat dan efisien dengan melaksanakan program-program bantuan kepada penghuni agar kebajikan penghuni terjamin dan memberikan mereka ruang keselesaan dan kesejahteraan. Di samping itu, program ini juga membantu kerajaan dalam menyusun penduduk dalam perancangan bandar dengan lebih cekap, ringkas dan berkesan dalam menuju abad ke 21 dengan melihat dimensi spatial dan menggalakkan perancangan yang lebih komprehensif, efisien dan efektif melalui kajian penyelidikan dan pembangunan.

4.0 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengumpulkan data dan maklumat daripada penduduk kawasan perumahan PPR Paya Nahu terutamanya berhubung dengan beberapa isu penting seperti maklumat isi rumah, sosio-ekonomi dan gaya hidup. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisa faktor sosio-ekonomi yang memberi kesan kepada gaya hidup penduduk PPR Paya Nahu.

5.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah dan metodologi penyelidikan yang telah ditetapkan pada peringkat awal demi untuk memastikan ianya akan dapat mencapai matlamat dan objektif penyelidikan. Dalam konteks ini, data diperolehi secara langsung melalui kaedah pengedaran soal-selidik di kawasan kajian yang dikhususkan terhadap responden (penduduk) melalui satu set borang soalselidik. Teknik temubual juga dilakukan melibatkan penduduk terpilih. Selain dari itu, pengumpulan data sekunder bagi projek penyelidikan ini dilakukan menerusi kajian perpustakaan, bahan bercetak, laporan awam, dan artikel jurnal yang berkaitan. Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science Versi 24.0 (SPSS V24.0).

Skop Kajian

Skop bagi kajian ini adalah meliputi kawasan perumahan PPR Paya Nahu, Sungai Petani, Negeri Kedah Darul Aman.

Kaedah Persampelan

Kajian ini melibatkan 300 responden (isi rumah) yang menetap di kawasan perumahan PPR Paya Nahu, Sungai Petani. Kaedah persampelan yang digunapakai adalah kaedah persampelan bertujuan.

6.0 Dapatan Kajian (Kuantitatif)

Jadual 1 merumuskan bahawa majoriti penduduk PPR Paya Nahu yang terlibat didalam kajian ini berumur 50 tahun ke atas, iaitu seramai 104 orang (34.7%). Jumlah ini diikuti oleh penduduk yang berumur 40 hingga 49 tahun (83 orang), 20 hingga 29 tahun (62 orang) dan penduduk yang berumur 30 hingga 39 tahun (51 orang). Daripada jumlah itu, 206 orang (68.7%) merupakan penduduk wanita dan selebihnya adalah lelaki (94 orang). Dari segi taburan kaum, 84% penduduk PPR Paya Nahu adalah berbangsa Melayu (253 orang). Jumlah ini diikuti oleh penduduk dari kaum India (32 orang), Cina (8 orang) dan lain-lain (7 orang). 67% penduduk PPR Paya Nahu berasal dari Negeri Kedah.

Jadual 1: Maklumat Demografik

Ciri Demografik	Butiran	Kekerapan	Peratusan
Umur	20 - 29 tahun	62	20.7
	30 - 39 tahun	51	17.0
	40 - 49 tahun	83	27.7
	50 tahun ke atas	104	34.7
Jantina	Lelaki	94	31.3
	Perempuan	206	68.7
Kaum	Melayu	253	84.3
	Cina	8	2.7
	India	32	10.7
	Lain-lain	7	2.3
Status perkahwinan	Bujang	71	23.7
	Berkahwin	190	63.3
	Ibu/bapa tunggal	39	13.0
Negeri asal	Kedah	201	67.0
	Penang	25	8.3
	Perak	23	7.7
	Pahang	2	.7
	Kelantan	8	2.7
	Sabah	4	1.3
	Perlis	3	1.0
	Negeri Sembilan	2	.7
	Selangor	5	1.7
	Terengganu	1	.3
	Johor	2	.7
	Melaka	1	.3
	Luar Negara	4	1.3
	Tiada maklumat	19	6.3
Taraf pendidikan	UPSR	44	14.7
	SRP/PMR	73	24.3
	SPM	118	39.3
	Matrikulasi/STPM/STAM	11	3.7
	Diploma	10	3.3
	Sarjana Muda	2	.7
	Tiada pendidikan formal	38	12.7
	Tiada maklumat	4	1.3
Sektor pekerjaan	Sektor Kerajaan	36	12.0
	Sektor Swasta	76	25.3
	Sektor tidak formal	52	17.3
	Pelajar	8	2.7
	Tidak bekerja	121	40.3
	Tiada maklumat	7	2.3
Status pekerjaan	Tetap	107	35.7

Jadual 2 merumuskan maklumat sosio-ekonomi penduduk PPR Paya Nahu yang terlibat didalam kajian ini. Didapati bahawa 33.3% responden mempunyai pendapatan sebanyak RM 1000 - RM 1499, 26% mewakili RM 500 - RM 999, 15.7% ialah RM 499 kebawah, 12% bagi RM 1500 - RM 1999, 4.7% bagi RM 2000 - RM 2499, 3.3% ialah RM 3000 - RM 3499, 1.3% bagi RM 2500 - RM 2999, 0.7% bagi RM 4000 - RM 5000 ke atas dan terdapat sebanyak 2.3% bagi tiada maklumat pendapatan bulanan keluarga. Pendapatan ini berdasarkan saiz isi rumah seperti berikut; 45% mempunyai isi rumah seramai 1 - 3 orang, 42% seramai 4 - 6 orang isi rumah, 10% seramai 7 - 9 orang, 2% seramai 10 orang dan 3 orang responden mengatakan mereka tiada isi rumah.

Dari 300 orang responden, seramai 130 orang responden mempunyai jumlah tanggungan seramai 1 - 3 orang. 120 responden mengatakan mereka mempunyai tanggung seramai 4 - 6 orang. 13 orang responden mempunyai 7 - 9 orang tanggungan. 5 orang responden mempunyai jumlah tanggungan seramai 10 orang ke atas. Seramai 31 orang responden tidak mempunyai tanggungan. Selebihnya seramai 1 orang responden tidak memberi sebarang maklumat. Selain itu, seramai 56 orang responden mengatakan mereka mempunyai dan menanggung orang kurang upaya (OKU) di dalam keluarga dan 84 orang responden adalah penerima bantuan kebajikan dari badan kerajaan, 14 orang penerima bantuan dari badan bukan kerajaan, 3 orang penerima bantuan dari orang perseorangan dan 14 orang menerima lain-lain bantuan. bantuan. Selebihnya seramai 6 orang responden tidak memberi sebarang maklumat.

Berdasarkan Jadual 2 juga, didapati bahawa seramai 85 orang menerima bantuan bulanan kurang dari RM 200, 47 orang menerima bantuan bulanan RM 201 - RM 500, 7 orang menerima bantuan bulanan lebih dari RM 501. Dari aspek keselamatan, 180 orang responden mengatakan berasa selamat tinggal dalam komuniti PPR Paya Nahu. 116 orang mengatakan tidak selamat. Dan secara keseluruhannya, dari 300 orang responden, seramai 87 orang responden mengatakan mereka memiliki rumah yang didiami, 198 orang responden menyewa rumah yang didiami dan 10 orang menetap secara tidak sah.

Jadual 2: Maklumat Sosio - Ekonomi

Indikator Sosio-ekonomi	Butiran	Kekerapan	Peratusan
Pendapatan bulanan keluarga	RM499 ke bawah	47	15.7
	RM 500 - RM 999	78	26.0
	RM1,000 - RM 1,499	100	33.3
	RM 1,500 - RM1,999	36	12.0
	RM 2,000 - RM 2,499	14	4.7
	RM 2,500 - RM 2,999	4	1.3
	RM 3,000 - RM 3,499	10	3.3
	RM 4,000 - RM 4,999	2	.7
	RM 5,000 ke atas	2	.7
	Tiada maklumat	7	2.3
Saiz isi rumah	1 - 3 orang	135	45.0
	4 - 6 orang	126	42.0
	7 - 9 orang	30	10.0
	10 orang ke atas	6	2.0
	Tiada	3	1.0

Tanggungjawab dalam keluarga	1 - 3 orang	130	43.3
	4 - 6 orang	120	40.0
	7 - 9 orang	13	4.3
	10 orang ke atas	5	1.7
	Tiada	31	10.3
	Tiada maklumat	1	.3
Keberadaan orang kurang upaya di dalam keluarga	Ya	56	18.7
	Tidak	235	78.3
	Tiada maklumat	9	3.0
Merupakan penerima bantuan kebajikan	Dari Badan Kerajaan	84	28.0
	Dari Badan Bukan Kerajaan	14	4.7
	Dari Orang Perseorangan	3	1.0
	Lain-lain	14	4.7
	Tiada	179	59.7
	Tiada maklumat	6	2.0
Jumlah bantuan diterima secara bulanan	Tidak menerima	149	49.7
	kurang dari RM 200	85	28.3
	RM 201 - RM 500	47	15.7
	Lebih dari RM 501	7	2.3
	Tiada maklumat	12	4.0
Mempunyai perasaan selamat tinggal di dalam komuniti ini	Ya	180	60.0
	Tidak	116	38.7
	Tiada maklumat	4	1.3
Pemilikan rumah	Memiliki rumah yang didiami	87	29.0
	Menyewa rumah yang didiami	198	66.0

7.0 Kesimpulan dan Penutup

Berdasarkan tinjauan terhadap 300 orang penduduk kawasan perumahan PPR Paya Nahu, majoriti responden ialah daripada golongan berpendapatan rendah, pendapatan isi rumah RM 1500 ke bawah dengan saiz isi rumah melebihi 3 orang. Walaupun majoriti responden menyewa rumah yang didiami sekarang, mereka telah menetap melebihi 10 tahun di kawasan perumahan PPR Paya Nahu kerana berpendapat bahawa komuniti adalah selamat untuk didiami walaupun masalah sosial seringkali dikaitkan dengan komuniti setempat ini. Program Perumahan Rakyat (PPR) juga mampu memberikankeselesaan dan impian dalam pemilikan rumah setiap individu mana ianya dilengkapi dengan pelbagai aspek kemudahan asas. Namun, pihak agensi kerajaan mahupun NGO tidak boleh mengambil ringan kerana masalah sosial masih berlaku di kawasan ini yang kadang kala melibatkan orang-orang yang mencerooboh masuk dan menetap di kawasan ini tanpa kebenaran meskipun masyarakat setempat rata-ratanya menyatakan kawasan ini adalah selamat dan selesa hasil dapatan kajian yang telah dijalankan. Di samping itu, melihat dari sudut gaya hidup penduduk di kawasan perumahan PPR Paya Nahu pula adalah baik di mana majoriti responden tidak menghidapi sebarang penyakit kerana mengamalkan pemakanan yang seimbang. Ini menunjukkan tahap kesihatan komuniti ini berada

dalam keadaan baik meskipun mereka berhadapan dengan taraf kehidupan yang rendah. Kesedaran terhadap penjagaan kesihatan serta kemudahan mendapatkan rawatan adalah senang dicapai di mana memudahkan mereka mendapatkan sebarang rawatan jika perlu. Tinjauan ini dapat melihat dengan lebih jelas dan merungkai tahap kesihatan serta gaya hidup mereka yang sedikit sebanyak terdorong daripada taraf sosio-ekonomi yang dihadapi mereka. Justeru, peranan pihak Malaysian Relief Agency (MRA) Negeri Kedah dan pihak-pihak berkepentingan yang lain adalah signifikan dan penting kepada penduduk di kawasan perumahan PPR Paya Nahu terutamanya penduduk yang memerlukan bantuan kesihatan, kewangan, makanan, dan sebagainya. Pelbagai projek dan bantuan dapat disampaikan dengan lebih tepat dengan melihat kepada makluman profiling dan keputusan kajian yang telah dijalankan di mana tinjauan menunjukkan majoriti penduduk memerlukan kemudahan dan khidmat sokongan yang lebih baik terutamanya dari faktor keselamatan untuk kesejahteraan penduduk di masa akan datang. Peranan daripada agensi-agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan, Jabatan Agama Islam dan agensi-agensi lain perlu bekerjasama dengan lebih erat dalam memastikan program bantuan kepada penghuni dilaksanakan dengan jayanya serta perancangan bandar dapat dirancang dan disusun dengan baik dalam melihat dimensi spatial yang lebih cekap, efisien dan efektif serta komprehensif.

RUJUKAN

- Dua Buruh Disyaki Pengedar Dadah Dicekup Polis. Diekstrak pada 26 November 2018 daripada Kosmo: <http://www.kosmo.com.my/terkini>.
- Galster, G. C. (1987). Identifying the correlates of dwelling satisfaction: an empirical critique. *Environment and Behavior*, 19(5), 539–568
- Groenewegen, P. P., Zock, J. P., Spreeuwenberg, P., Helbich, M., Hoek, G., Ruijsbroek, A., ... & Dijst, M. (2018). Neighbourhood social and physical environment and general practitioner assessed morbidity. *Health & place*, 49, 68-84.
- Informasi> Skim dan Produk>Program Perumahan Rakyat (PPR). (n.d). Diekstrak pada 27 Disember 2018 daripada Portal Rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan: <http://ehome.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/133>.
- Macintyre, S., & Ellaway, A. (2003). Neighborhoods and health: an overview. *Neighborhoods and health*, 20, 42.
- Mohit, M. A., Ibrahim, M., & Rashid, Y. R. (2010). Assessment of residential satisfaction in newly designed public low-cost housing in Kuala Lumpur, Malaysia. *Habitat international*, 34(1), 18-27.
- Penagih Dadah Ditahan. Diekstrak pada 26 November 2018 daripada Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/08/249653/4>.
- Program Pemutihan Besar-besaran di Flat Paya Nahu. Diekstrak pada 26 November 2018 daripada Bernama: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia>.
- Tan, L.T. (2016). Diekstrak pada 27 Disember 2018 daripada The Star Malaysia: <https://www.pressreader.com/malaysia/the-star-malaysia/20161201/281526520667609>.



Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

e-ISSN: 2682-7840